

# **PERILAKU MORFOLOGI AWALAN *BER-* DALAM BAHASA MELAYU KLASIK DAN BAHASA MELAYU MODEN: SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

*Zaharani Ahmad*  
zaharaniahmad@gmail.com

*Shakira Khairudin*  
Kira\_5667@yahoo.com

*Nor Hashimah Jalaluddin*  
nhj7892@gmail.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini menghuraikan perilaku morfologi awalan *beR-* dalam korpus bahasa Melayu klasik yang merangkumi aspek fungsi, taburan dan makna yang didukung oleh imbuhan tersebut dalam konteks penggabungannya dengan kata dasar. Perilaku morfologi ini dibandingkan dengan perilaku awalan *beR-* dalam korpus bahasa Melayu moden. Perbandingan ini bertujuan melihat gejala pengekalan dan inovasi yang berlaku dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Data bahasa Melayu klasik diperoleh daripada korpus klasik yang berjumlah 2 440 258 kata yang dijana daripada pangkalan data bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan perisian program Telnet. Data bahasa Melayu moden dipetik daripada korpus UKM-DBP yang berjumlah lima juta kata dengan menggunakan perisian WordSmith Tools 5.0. Kata terbitan yang dijana dalam bentuk konkordans kemudiannya diklasifikasikan

berdasarkan perilaku morfologinya. Data kajian dianalisis menurut kerangka teori morfologi generatif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sebahagian daripada fungsi, taburan dan makna awalan *beR*- mengalami proses pengekalan, dan sebahagian yang lain mengalami proses inovasi, seperti peluasan, pengecilan, pengambilalihan dan penghilangan.

Kata kunci: morfologi, fungsi, taburan, pengekalan, inovasi

### ***Abstract***

*This study describes the morphological behavior of prefixes *beR*- based on a corpus of classical Malay. The morphological descriptions include the function, distribution and meaning of the prefix in the process of affixation with the base forms. The morphological behaviour in classical Malay is subsequently compared with that of modern Malay to observe innovation and retention in the development of the Malay language. The data used in the study comprises 2 440 258 classical Malay words generated using Telnet software from the Dewan Bahasa dan Pustaka Malay language data base. The data from modern Malay were taken from the UKM-DBP corpus comprising five million words using WordSmith Tools 5.0 software. The output data is generated in the form of a concordance and then classified and grouped based on their morphological behaviour. The data are analysed according to the generative morphology framework. The findings demonstrate that there are cases where the function, distribution, and meaning of the prefix *beR*- are retained, whereas in other cases it undergoes innovation, such as broadening, narrowing, substitution or elimination.*

*Keywords:* morphology, function, distribution, retention, innovation

## **PENDAHULUAN**

Bahasa merupakan fenomena sosial yang terdedah kepada perubahan dan perkembangan sesuai dengan peredaran waktu dan zaman. Gejala ini berlaku secara semula jadi dan sifat ini dimiliki oleh semua bahasa alamiah di dunia, termasuklah bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku dalam sesuatu bahasa boleh dikesan dalam sistem kebahasaan bahasa itu, seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan juga semantik (Trask, 1994).

Dalam konteks perkembangan bahasa Melayu, Asmah (1985) telah membahagikannya kepada tiga peringkat. Peringkat pertama bermula dengan bahasa Melayu kuno, berubah menjadi bahasa Melayu klasik (BMK) pada peringkat kedua, akhirnya bertukar menjadi bahasa Melayu moden (BMM) pada peringkat ketiga, dan berterusan digunakan sehingga dewasa ini.

Berdasarkan aspek nahu, menurut beliau lagi, daripada ketiga-tiga peringkat ini, perubahan yang berlaku dalam bahasa Melayu kuno didapati jauh berbeza dan menyimpang daripada BMK dan BMM. Bukti linguistik dalaman menunjukkan beberapa imbuhan awalan yang digunakan dalam bahasa Melayu kuno telah hilang dan digantikan dengan imbuhan awalan yang lain. Misalnya, awalan *ni-* dan *mar-* telah diganti dengan awalan *di-* dan *beR-* dalam BMK dan BMM. Sekiranya perubahan morfologi boleh berlaku antara bahasa Melayu kuno dengan BMK, maka perubahan yang sama tidak terkecuali boleh berlaku antara BMK dengan BMM.

Sehubungan itu, makalah ini cuba menghuraikan perubahan tersebut dengan meneliti perilaku morfologi imbuhan *beR-* yang merangkumi aspek fungsi, taburan dan makna yang terdapat dalam BMK dan kemudiannya membandingkannya dengan BMM. Oleh sebab kedua-dua ragam bahasa ini berasal daripada satu sumber yang sama, maka tentulah kedua-duanya mempunyai banyak ciri persamaan yang dikongsi bersama, di samping beberapa ciri perbezaan akibat daripada perkembangan dan peredaran masa. Oleh itu, dari segi diakroniknya, kajian ini akan mengenal pasti perilaku morfologi yang mengalami pengekalan dan juga inovasi dalam konteks perkembangan tersebut. Kajian perbandingan ini secara tidak langsung dapat melengkapkan dan menambah informasi kajian Asmah (1985) yang lalu.

## KAJIAN LEPAS

Penelitian dan penghuraian nahu bahasa Melayu telah bermula sejak abad ke-19 dan kebanyakan kajian tersebut dilakukan oleh para sarjana Barat. Antara buku nahu yang terkenal pada zaman itu termasuklah *Grammar of the Malayan Language* (Marsden, 1812), *A Grammar and Dictionary of the Malay Language* (Crawfurd, 1852), *A Manual of the Malay Language* (Maxwell, 1881) dan *Malay Grammar* (Winstedt, 1913). Buku nahu Melayu pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu dihasilkan oleh Za'ba (1947) yang bertajuk *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Za'ba juga

merupakan ahli nahu tempatan pertama yang menghasilkan buku nahu bahasa Melayu.

Setelah negara mencapai kemerdekaan, dan semakin ramai anak tempatan berjaya mendapat pendidikan tinggi hingga ke universiti, maka semakin bertambahlah hasil penyelidikan dan penghuraian nahu yang ditulis dalam bahasa Melayu oleh sarjana tempatan. Antara buku nahu yang berjaya dihasilkan termasuklah *Nahu Melayu Mutakhir* (Asmah, 1980), *Tatabahasa Bahasa Malaysia* (Arbak, 1981), *Nahu Melayu Moden* (Liaw, 1985), *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM* (Asraf, 1989) dan *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (Nik Safiah, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 1993).<sup>1</sup> Semua buku nahu ini mengandungi bab yang secara khusus membicarakan aspek morfologi, termasuklah huraian tentang imbuhan awalan *beR-*.

Selain buku nahu yang bersifat umum, terdapat juga buku yang menghuraikan dan membincangkan morfologi secara khusus. Antaranya buku *The Morphology of Malay* (Abdullah, 1974), *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (Abdullah, 1986), *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan* (Nik Safiah *et al.*, 1989), *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu* (Hashim, 1993), *The Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account* (Zaharani, 2005) dan *The Evolution of Malay Affixes* (Syed Zainal, 2005). Dalam hal ini, buku Abdullah (1974), Hashim (1993), Zaharani (2005) dan Syed Zainal (2005) berasaskan hasil kajian disertasi PhD masing-masing.

Berdasarkan pendekatan yang digunakan, kesemua hasil kajian morfologi tersebut tergolong dalam kajian sinkronik, iaitu pendekatan kajian yang mengaplikasikan data sezaman (Asmah, 1995). Walaupun kesemua kajian tersebut tergolong dalam kajian sinkronik yang sama, tetapi data bahasa yang digunakan jelas berbeza. Para sarjana barat seperti Shellabear (1899) dan Winstedt (1913) menggunakan data BMK, manakala para sarjana tempatan seperti Asmah (1980), Arbak (1981), Liaw (1985), Asraf (1989), Nik Safiah *et al.* (2004) dan lain-lain menggunakan data BMM. Berdasarkan data kajian yang dianalisis, kajian sinkronik ini dapat disubkategorikan sebagai sinkronik klasik dan sinkronik moden.

Antara kedua-dua kajian ini, analisis dan huraian nahu dalam kajian sinkronik klasik didapati tidak mendalam dan terperinci kerana hanya tertumpu pada proses pengimbuhan yang melibatkan beberapa konstruksi tertentu sahaja. Dengan kata lain, kajian berkenaan terbatas pada taburan beberapa imbuhan bersama-sama dengan beberapa kelas kata sahaja. Misalnya dalam penghuraian imbuhan *beR-* yang dilakukan

oleh Shellabear (1899) dan Winstedt (1913), perbincangan mereka hanya melibatkan konstruksi *beR-* dengan kata dasar yang tergolong dalam kelas kata nama (KN) dan kata kerja (KK) sahaja (contohnya: *berbunyi, berbini, berbulu, berguna, berdiri, berpakai* dan *berangkat*). Proses pengimbuhan yang melibatkan kata adjektif (KAdj) dan kata tugas (KT) tidak disentuh.

Satu lagi jenis pendekatan yang terdapat dalam kajian linguistik ialah kajian diakronik, iaitu kajian yang dibuat mengikut perkembangan masa dan perbandingan bahasa antara dua zaman (Verhaar, 1993). Tujuan utama kajian diakronik adalah untuk melihat perkembangan linguistik yang berlaku dalam bahasa. Sehubungan itu, untuk melihat perkembangan yang berlaku daripada BMK kepada BMM, kajian diakronik antara kedua-dua bahasa tersebut harus dilakukan.

Asmah (1991 dan 1995)<sup>2</sup> telah memulakan kajian diakronik yang melihat perubahan dan perkembangan daripada BMK kepada BMM. Kajian beliau mencakupi bidang yang sangat luas, iaitu merangkumi aspek morfologi, ejaan, morfonemik, kata depan, kata penghubung, kata wacana, sistem nahu, ayat dan wacana dan perbendaharaan kata. Namun begitu, perbincangan dalam aspek morfologi didapati agak ringkas dan tidak mendalam kerana penghuraian perbandingan tentang imbuhan itu hanya dilihat dari aspek fungsi dan kewujudannya sahaja. Misalnya, dalam huraianya tentang awalan *beR-*, Asmah (1991) hanya menyatakan imbuhan tersebut berfungsi sebagai penambah KK dalam BMK, dan fungsi ini kekal digunakan dalam BMM. Asmah (1995) juga menyimpulkan bahawa pengimbuhan awalan *beR-* dengan KAdj sifat seperti bersetia yang wujud dalam BMK sudah tidak digunakan dalam BMM.

Kajian diakronik Asmah (1991) yang awal dan besar sumbangannya dalam konteks kajian linguistik perkembangan bahasa Melayu ini perlu diteruskan sebagai usaha penambahbaikan kepada kajian yang sedia ada. Analisis perbandingan yang lebih luas dan mendalam yang melibatkan taburan dan makna awalan *beR-* antara kedua-dua bahasa tersebut perlu juga diteliti. Tambahan lagi, aspek perkembangan bahasa, khususnya proses inovasi yang berlaku, seperti peluasan, pengecilan atau penyempitan, pengambilalihan dan penghilangan harus mendapat perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, isu data kajian perlu diberikan pertimbangan. Data yang digunakan dalam kajian lepas didapati tidak komprehensif kerana tidak mewakili keseluruhan abad yang menggunakan BMK. Dengan kata lain, ada antara data BMK pada abad tertentu tidak diteliti langsung. Implikasinya, huraian diakronik yang dibuat tidak memberikan gambaran

sebenar dan menyeluruh tentang BMK. Misalnya, kajian perbandingan morfologi yang menggunakan data BMK pada abad ke-17, seperti *Sejarah Melayu* (1612) belum pernah dilakukan, sedangkan bahasa Melayu pada zaman tersebut tersebar sebagai bahasa perantaraan yang hebat dan tinggi, malah lebih hebat daripada masa-masa sebelumnya. Kajian Asmah (1991) misalnya, terbatas kepada bahasa Melayu abad ke-16, iaitu teks kitab *Aqaid Al-Nasafi* sebagai data kajiannya. Terjemahan teks ini dilakukan pada tahun 1595 Masihi daripada kitab *Aqaid Al-Nasafi* yang ditulis dalam bahasa Arab. Atas kelompongan ini, satu kajian lanjutan yang meneliti data BMK pada abad ke-17 dan ke-18 perlu dilakukan sebagai usaha menambah baik kajian Asmah (1991 dan 1995) yang sedia ada.

## KAJIAN SEMASA

Kajian diakronik tentang perilaku awalan *beR-* dalam BMK dan BMM yang dilakukan oleh penulis menggunakan data korpus klasik yang dipetik daripada pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berjumlah 2 440 258 kata. Korpus klasik ini terdiri daripada data teks Melayu lama atau teks tradisional yang terdiri daripada 68 hikayat yang mewakili keseluruhan abad BMK, iaitu di antara tahun 1400 hingga 1899. Data yang mengandungi kata terbitan berawalan *beR-* dicapai melalui perisian program Telnet dan dijana keluar dalam bentuk baris konkordans.

Kata terbitan ini kemudiannya dikelompokkan secara manual dalam kumpulan tertentu berdasarkan kelas kata yang dianggotainya dan juga kelas kata dasar yang bergabung dengan awalan *beR-*. Misalnya, kata *bercincin* dikelompokkan dalam kumpulan kata kerja (KK) yang terdiri daripada *beR-+KN*, kata berhampir dikelompokkan dalam kumpulan KK yang terdiri daripada *beR-+KAdj*, dan begitulah seterusnya. Perilaku imbuhan *beR-* dalam kata terbitan yang dikelompokkan itu kemudiannya dianalisis dari tiga sudut. Pertama, menentukan fungsi imbuhan *beR*, sama ada sebagai penetap golongan atau pengubah golongan. Kedua, mengenal pasti taburan imbuhan *beR-*, iaitu meneliti jenis kata dasar yang boleh bergabung dengannya, sama ada daripada kelas KN (kata nama), KK, KAdj atau KT (kata tugas). Ketiga, menentukan makna yang didukung oleh imbuhan *beR-* dalam kata terbitan yang dihasilkan.

Ketiga-tiga perilaku ini seterusnya dirumuskan dalam bentuk Rumus Pembentukan Kata (RPK) menurut kerangka teori morfologi generatif (Aronoff, 1976). Antara maklumat penting yang perlu ada ketika

memformalisasikan RPK ini termasuklah (a) imbuhan yang terlibat, (b) kata dasar [X] berserta kelas katanya, (c) kelas kata kata terbitan yang terhasil, dan (d) makna yang didukung oleh imbuhan terlibat. Misalnya, RPK bagi golongan kata terbitan KK yang terdiri daripada *beR-+KN*, seperti kata *bercincin*, *berkasut*, *bersubang*, dan sebagainya adalah seperti yang berikut:

[*beR-* # [X] KN ]KK = “memakai atau menggunakan X”

RPK di atas bermaksud awalan *beR-* bergabung dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KN akan menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam kelas KK. Awalan tersebut mendukung makna “memakai atau menggunakan sesuatu yang terkandung dalam kata dasar”. Tanda kurungan [ ] dalam rumus tersebut merujuk satu lingkungan kelas kata sebelum dan selepas proses pengimbuhan berlaku. Tanda kurung dalaman (cth. [X]KN) ialah lingkungan kelas kata bagi kata dasar yang tergolong dalam golongan KN, manakala tanda kurung luaran (cth. [[X] KN ]KK) mewakili kata terbitan yang terhasil daripada proses pengimbuhan tersebut.

Setelah perilaku morfologi imbuhan *beR-* BMK selesai dianalisis, langkah seterusnya mendapatkan huraian perilaku morfologi imbuhan *beR-* BMM dan diikuti dengan analisis perbandingan untuk diteliti proses pengekalan dan inovasi yang berlaku antara dua bahasa tersebut. Berbeza daripada BMK, perilaku morfologi imbuhan *beR-* BMM tidak perlu dianalisis lagi kerana penghuraian tentang fungsi, taburan dan makna imbuhan tersebut sudah pun dilakukan oleh pengkaji lepas, seperti Asmah (1980) dan Nik Safiah *et al.* (1993). Namun begitu, penulis turut menggunakan data korpus UKM-DBP yang berjumlah lima juta patah perkataan<sup>3</sup> bagi melihat kekerapan, keproduktifan dan penggunaan sebenar imbuhan *beR-* dalam konteks semasa.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan awalan *beR-* dalam BMK boleh berfungsi sebagai penetap dan pengubah golongan. Penetap golongan bermaksud kelas kata bagi kata terbitan yang terhasil melalui pengimbuhan *beR-* itu tetap sama dengan kelas kata dasarnya. Pengubah golongan pula bermaksud kata terbitan yang terhasil itu tergolong dalam kelas kata yang

berbeza daripada kata dasarnya. Berhubung dengan fungsi ini, peranan utama imbuhan *beR-* adalah untuk menerbitkan KK.

Dari segi taburan, imbuhan *beR-* pada zaman tersebut boleh diimbuhkan dengan empat jenis kata dasar, iaitu KN, KK, KAdj dan KT. Penemuan ini berbeza dengan dapatan Shellabear (1899) yang menyatakan bahawa imbuhan *beR-* dalam BMK hanya boleh diimbuhkan dengan KN dan KK sahaja. Walau bagaimanapun, kajian Winstedt (1913) mendapati imbuhan *beR-* boleh bergabung dengan KT. Dari aspek makna pula, setiap kata terbitan berimbuhan *beR-* itu membawa maksud yang pelbagai dan ditentukan oleh kata dasar yang bergabung dengan awalan tersebut. Berdasarkan maklumat morfosintaksis di atas, RPK yang melibatkan imbuhan *beR-* dalam BMK dapat dirumuskan seperti di bawah.

1.  $[beR- [X]_{KN/KK/KAdj/KT}]_{KK}$
2.  $[beR- [X]_{KAdj}]_{KAdv}$
3.  $[beR- [X]_{KBil}]_{KBil}$

RPK (1) bermaksud bergabung dengan kata dasar yang tergolong dalam kelas KN, KK, KAdj dan KT untuk menghasilkan KK terbitan. Dalam hal ini, awalan *beR-* berfungsi sebagai pengubah golongan dalam proses pengimbuhannya dengan KN, KAdj dan KT, dan berfungsi sebagai penetap golongan dalam proses pengimbuhan dengan KK. RPK (2) pula menyatakan awalan *beR-* bergabung dengan kata dasar daripada kelas KAdj bagi menghasilkan KAdv terbitan, dan fungsi *beR-* di sini sebagai pengubah golongan. RPK (3) menunjukkan awalan *beR-* bergabung dengan kata dasar daripada golongan KBil bagi menerbitkan KBil terbitan, dan fungsi *beR-* di sini sebagai penetap golongan.

Dalam konteks BMM, Asmah (1993), Hashim (1993) dan Nik Safiah *et al.* (2004) menyatakan bahawa awalan *beR-* juga menggalas dua fungsi morfologi yang utama, iaitu sebagai penetap dan pengubah golongan. Namun, dari aspek taburan, awalan *beR-* cuma boleh diimbuhkan dengan tiga jenis kata dasar sahaja, iaitu KN, KK dan KAdj. Setiap kata terbitan yang diterbitkan mempunyai makna yang tersendiri dan ditentukan oleh kata dasar yang mendasarinya. Perbincangan berikutnya akan menghuraikan perilaku morfologi imbuhan *beR-* berdasarkan jenis kata dasar yang terlibat dalam proses pengimbuhan tersebut.

## Pengimbuhan *beR-* dengan KN

Dalam proses pengimbuhan dengan kata dasar KN, awalan *beR-* berfungsi sebagai pengubah golongan yang menghasilkan KK terbitan. Penemuan ini mensahkan dapatan kajian yang dilakukan oleh Shellabear (1899) dan Winstedt (1913) lebih kurang seabad yang lalu. Dalam konteks penggabungan imbuhan *beR-* dengan KN, *beR-* berfungsi sebagai pengubah golongan. Dari segi taburan, awalan *beR-* boleh bergabung dengan dua jenis KN, iaitu kata nama am dan kata nama khas. Penemuan ini berbeza dengan dapatan Shellabear (1899) dan Winstedt (1913) yang hanya menemui pengimbuhan dengan kata nama am sahaja. Secara umumnya, kata terbitan yang terhasil melalui pengimbuhan dengan kata nama am didapati lebih produktif berbanding dengan kata nama khas. Dari sudut makna pula, awalan *beR-* mendukung empat maksud yang berbeza-beza yang ditentukan oleh kata dasarnya. Penemuan ini juga berbeza dengan dapatan Shellabear (1899) dan Winstedt (1913) yang menyatakan *beR-* hanya mendukung satu makna sahaja, iaitu “mempunyai”. RPK yang melibatkan pengimbuhan awalan *beR-* dengan KN dalam BMK dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- |   |  |
|---|--|
| [ <i>beR-</i> [X] <sub>KN</sub> ] <sub>KK</sub> | (a) “menghasilkan atau mengeluarkan X”<br>(b) “mengerjakan atau mengusahakan X”<br>(c) “memakai atau menggunakan X”<br>(d) “mempunyai X” |
|---|--|

Daripada keempat-empat makna di atas, data korpus menunjukkan makna (a) yang paling produktif penggunaannya, dengan kemunculan konkordans sebanyak 36 kali, diikuti makna (b) sebanyak 19 kali, makna (c) sebanyak 18 kali, dan akhirnya makna (d) sebanyak 11 kali. Yang berikut dipaparkan tiga contoh bagi setiap makna di atas berdasarkan barisan konkordans yang dipetik daripada korpus klasik yang dikaji. Kata terbitan yang berimbuhkan *beR-* berada di antara tiga asterisk \*\*\*.

- (a) Awalan *beR-* dengan makna “menghasilkan atau mengeluarkan X”

- [1] BMK 5247 ...Gagak itu \*\*\*bertelor\*\*\* di-dalam sarang-nya...  
[2] BMK 2008 ...Panglima Senang pun \*\*\*bercerita\*\*\*,  
“Dan inilah...

## JURNAL BAHASA

- [3] BMK 1987 ...Maka Olanda \*\*\*berkontrak\*\*\* dengan Siak, dengan Melaka...

### (b) Awalan *beR-* dengan makna “mengerjakan atau mengusahakan X”

- [4] BMK 567 ...ia laki isteri pergi berbuat rumah \*\*\*berhumah\*\*\*kepada hutan di hulu Sungai...
- [5] BMK 4762 ...segala saudagar bermiaga dan \*\*\*berkedai\*\*\*. Maka segala orang dalam...
- [6] BMK 4845 ...taala sebab kerananya beta \*\*\*berJohor\*\*\* dan berRiau. Harapkan suku...

### (c) Awalan *beR-* dengan makna “memakai atau menggunakan X”

- [7] BMK 6094 ...sutera di tangan, dan \*\*\*bercapal\*\*\* di kaki...
- [8] BMK 2605 ...yang dan tiada bersubang dan \*\*\*bercincin\*\*\*. Maka...
- [9] BMK 1951 ...orang berperang: \*\*\*bersumpit\*\*\*, bertombak...

### (d) Awalan *beR-* dengan makna “mempunyai X”

- [10] BMK 2682 ...akhirat kerana aku pun tiada \*\*\*bercucu\*\*\*.' Maka apabila dilihat oleh...
- [11] BMK 6160 ...peti, maka peti itu ada \*\*\*berteropong\*\*\*. Maka adapun cermin teropong...
- [12] BMK 6055 ...demikian itu, lagipun tiada \*\*\*berteladan\*\*\*, melainkan dengan berani...

Berdasarkan contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa proses pengimbutan awalan *beR-* dengan KN menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam subgolongan kata kerja tak transitif (KKTT) tanpa pelengkap. Penggabungan *beR-* dengan kata nama am didapati lebih luas dan menyeluruh kerana kata terbitannya boleh mendukung keempat-empat makna yang dihasilkan, sedangkan penggabungan awalan *beR-* dengan kata nama khas hanya muncul dengan makna “mengerjakan atau mengusahakan X” sahaja.

Dalam pendeskripsi nahu BMM, awalan *beR-* juga dikatakan berfungsi sebagai pengubah golongan dalam konteks pengimbuhannya dengan KN, dan penggabungan tersebut menghasilkan KKTT, seperti *berharta*, *berseluar*, *berladang* dan *berbuah* Asmah (1993), Hashim (1993), Liaw (1994), Nik Safiah *et al.* (2004). Pengekalan dan penerusan fungsi awalan *beR-* daripada BMK kepada BMM menunjukkan bahawa dari segi diakroniknya, fungsi tersebut telah mengalami proses pengekalan. Dapatan ini turut ditemui oleh Asmah (1991 dan 1995) dalam kajian diakroniknya.

Kajian ini juga mendapati pengekalan morfologi turut berlaku dalam aspek makna yang didukung oleh imbuhan *beR-*. Keempat-empat makna asal daripada BMK masih dikekalkan dalam BMM. Malah proses pengimbuhan yang melibatkan penerbitan kata baharu didapati semakin meningkat dan meluas penyebarannya. Peningkatan ini dapat dibuktikan daripada analisis kekerapan kemunculan kata terbitan yang dijana daripada data korpus. Analisis menunjukkan kata terbitan dengan keempat-empat makna tersebut meningkat daripada 36, 19, 18 dan 11 kali dalam korpus klasik kepada 47, 43, 19 dan 46 kali dalam korpus moden.

### Pengimbuhan *beR-* dengan KK

Penghasilan kata terbitan melalui proses pengimbuhan *beR-* dengan kata dasar KK dalam BMK tidak melibatkan sebarang perubahan golongan kelas kata. Oleh itu, imbuhan *beR-* dalam konteks ini dikatakan berfungsi sebagai penetap golongan. Berdasarkan perilaku morfosintaksisnya, KK terbitan ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu KKTT berpelengkap dan KKTT tanpa pelengkap. KKTT berpelengkap memerlukan KN yang berfungsi sebagai penyambut untuk menjadikan ayat itu gramatis, manakala KKTT tanpa pelengkap boleh berdiri sendiri tanpa penyambut dan ayat itu tetap gramatis.

Dari segi makna, awalan *beR-* dalam KK terbitan ini mendukung tiga maksud tertentu yang ditentukan oleh kata dasarnya, iaitu “melakukan perbuatan X”, “perbuatan X yang melibatkan atau mengenai diri sendiri (refleksif)” dan “saling melakukan perbuatan X”. Ketiga-tiga makna ini bertepatan dengan pengertian *beR-* yang dikemukakan oleh Shellabear (1899) dan Winstedt (1913). RPK bagi pengimbuhan *beR-* dengan KK diformalisasikan seperti pada halaman seterusnya.

## JURNAL BAHASA

- [*beR-* [X]<sub>KK</sub>]<sub>KK</sub> = (a) “melakukan perbuatan X”  
(b) “perbuatan X yang melibatkan atau mengenai diri sendiri (refleksif)”  
(c) “saling melakukan perbuatan X”

Antara ketiga-tiga makna yang didukung oleh *beR-*, makna (a) didapati lebih tinggi kadar kekerapan kemunculannya, iaitu sebanyak 68 kali, diikuti makna (c) dan (b) yang masing-masing muncul sebanyak 34 dan 14 kali dalam korpus klasik. Contoh KK terbitan yang membawa ketiga-tiga maksud di atas adalah seperti yang berikut:

(a) Awalan *beR-* dengan makna “melakukan perbuatan X”

- [13] BMK 59 ...teruslah ia berjalan itu ke huma orang \*\*\*bertanam\*\*\* sirih hampir dengan perenggan negeri Patani...
- [14] BMK 71 BMK.....kota sekaliannya \*\*\*bersimpan\*\*\* segala kelengkapan...
- [15] BMK 40 ...Gajah Gemala Johari \*\*\*bertunggu\*\*\* tuannya, lagi...

(b) Awalan *beR-* dengan makna “perbuatan X yang melibatkan atau mengenai diri sendiri” (refleksif)

- [16] BMK 3153 ...Datuk Merpati pun \*\*\*berdehem\*\*\*.  
Lalu Datuk...
- [17] BMK 2689 ...Muluk itu, maka ia pun \*\*\*berdatang\*\*\*lah sembah,
- [18] BMK 290 ...”Maka keduanya pun \*\*\*berdiam\*\*\*lah dirinya dengan...

(c) Awalan *beR-* dengan makna “saling melakukan perbuatan X”

- [19] BMK 1530 ...Ada-lah tatkala Tuanku \*\*\*berhadap\*\*\* dengan Wan Chik Antan Besi...
- [20] BMK 5437 ...Balikasya pun berpeluk \*\*\*bercium\*\*\* dengan maharaja Syakhsya...

[21] BMK 6376 ...kerja sehari-hari, duduk  
\*\*\*bercumbu\*\*\* laki isteri, tiadalah  
hirau...

Seperti yang telah dinyatakan, KK terbitan dalam BMK digolongkan kepada dua, iaitu KKTT berpelengkap dan KKTT tanpa pelengkap. Contoh KKTT berpelengkap terdapat dalam barisan konkordans, iaitu (a) kata *bertanam*, *bersimpan*, dan *bertunggu* yang masing-masing membawa maksud “melakukan perbuatan yang terkandung dalam kata dasar”. Semua KK terbitan ini diikuti oleh KN yang berfungsi sebagai penyambut, iaitu sirih, segala kelengkapan, dan tuannya. Contoh KKTT tanpa pelengkap pula seperti *berdehem* dalam (b), dan *bercium* dalam (c).

Seterusnya diperturunkan pula perilaku morfologi imbuhan *beR-* dalam BMM berdasarkan penguraian yang dikemukakan oleh pengkaji lepas. Asmah (1993), Hashim (1993) dan Nik Safiah *et al.* (2004) menegaskan bahawa imbuhan *beR-* bergabung dengan kata dasar KK akan menghasilkan kata terbitan yang tergolong dalam KK juga. Daripada kenyataan ini dapat dirumuskan bahawa fungsi imbuhan *beR-* itu adalah sebagai penetap golongan. Dalam konteks perbandingan antara BMK dengan BMM, fungsi *beR-* sebagai penetap golongan dikatakan telah mengalami pengekalan, dapatan yang sama seperti yang diusulkan oleh Asmah (1991 dan 1995) sebelum ini.

Dari segi makna, selain daripada tiga maksud yang diuraikan sebelum ini, awalan *beR-* dalam BMM mempunyai satu lagi maksud tambahan, iaitu “suatu keadaan yang sudah sedia berlaku” (mirip pengertian pasif), seperti dalam kata *bertulis*, *berjahit* dan *bersusun* (Liaw dan Abdullah, 1994) dan Nik Safiah *et al.* (2004). Penambahan makna ini menunjukkan bahawa proses inovasi telah berlaku dalam BMM. Penggunaan imbuhan *beR-* juga didapati semakin meluas dan produktif apabila penerbitan kata baharu semakin banyak dihasilkan. KK terbitan yang membawa maksud “melakukan perbuatan X”, “saling melakukan perbuatan X” dan “perbuatan X yang melibatkan atau mengenai diri sendiri (refleksif)” telah mengalami peningkatan daripada 68, 13 dan 34 kali kepada 1604, 49 dan 43 kali dalam korpus moden. Peningkatan ini dapat dianggap sebagai titik permulaan penggunaan imbuhan tertentu menghasilkan makna baharu dalam perkembangan bahasa itu sendiri (Aronoff & Anshen, 1998).

Selain inovasi peluasan, satu lagi proses inovasi yang dikenali sebagai pengambilalihan telah berlaku pada awalan *beR-* dalam BMK melibatkan KK terbitan yang mendukung maksud “melakukan perbuatan X”, seperti

dalam kata *bertanam*, *bersimpan* dan *bertunggu*. KK terbitan ini didapati tidak muncul walaupun sekali dalam korpus moden UKM-DBP. Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa ketiadaan KK terbitan ini bukanlah bererti maksud “melakukan perbuatan X” itu telah hilang dalam konteks penggunaan moden, tetapi peranan tersebut telah didukung oleh imbuhan lain, iaitu awalan *meN-*. Dengan kata lain, fungsi imbuhan *beR-* sebagai penanda KKT telah diambil alih oleh imbuhan *meN-* dalam konteks BMM. Dakwaan ini ternyata berasas kerana salah satu fungsi awalan *meN-* dalam nahu BMM ialah menghasilkan KKT yang membawa maksud “membuat atau melakukan perbuatan, seperti yang terkandung dalam kata dasar” (Hashim, 1993; Nik Safiah *et al.*, 2004). Proses inovasi yang berlaku pada awalan *beR-* ini secara tidak langsung menafikan kenyataan Asmah (1995) yang menyatakan pengimbuhan awalan *beR-* dengan KK dalam BMK tidak mengalami perubahan morfologi. Antara contoh penggunaan kata *menanam*, *menyimpan*, dan *menunggu* yang dijana daripada korpus moden adalah seperti yang berikut:

- [1] BMM 2 ...' ' Kita turut menggalakkan mereka \*\*\*menanam\*\*\* pokok-pokok yang boleh...
- [2] BMM 30 ...Selain itu, dia juga ada \*\*\*menyimpan\*\*\* sebuah kitab perubatan yang...
- [3] BMM 200 ... wartawan dan jurugambar yang sedang \*\*\*menunggu\*\*\* Diana...

### Pengimbuhan *beR-* dengan KAdj

Penemuan bentuk terbitan awalan *beR-* dengan KAdj ialah dapatan baharu yang tidak ditemui oleh Shellabear (1899) dan Winstedt (1913) dalam kajian mereka. Berdasarkan korpus klasik yang dikaji, awalan *beR-* boleh diimbuhkan dengan tujuh jenis KAdj, iaitu KAdj sifat, perasaan, jarak, bentuk, cara, waktu dan pancaindera. Sejajar dengan fungsinya sebagai pengubah golongan, hasil pengimbuhan *beR-* dengan KAdj menerbitkan dua jenis kata terbitan, iaitu KK dan kata adverba (KAdv). Awalan *beR-* dalam KK mendukung dua makna manakala awalan *beR-* dalam KAdv membawa satu makna. RPK bagi proses pengimbuhan yang beroperasi adalah seperti yang berikut:

1. [*beR-* [X] KAdj ] KK = (a) “berada dalam keadaan X”

2. [beR- [X] K<sub>Adj</sub>] K<sub>Adv</sub> = (b) “mempunyai sifat X”  
(c) “dengan keadaan X”

Berdasarkan kekerapan penggunaan, makna yang paling banyak digalas oleh awalan *beR-* ialah “berada dalam keadaan X” yang kekerapannya muncul sebanyak 25 kali, diikuti makna “mempunyai sifat X” dan makna “dengan keadaan X”. Contoh KK terbitan yang membawa ketiga-tiga maksud tersebut di atas adalah seperti yang berikut:

(a) Awalan *beR-* dengan makna “berada dalam keadaan X”

- [22] BMK 6205 ...sekalian bersugul dan \*\*\*berdukachita\*\*\*...
- [23] BMK 5 ...suruh \*\*\*bersugul\*\*\*. Dijalankan di dalam negeri...
- [24] BMK 4289 ...bagainya, mereka itu. Maka \*\*\*bersuka\*\*\*lah hatimu kerana tiadakan...
- [25] BMK 236 ...Maka kenaikan Sultan Husin pun \*\*\*berdekat\*\*\*lah dengan kenaikan Sultan Muda...
- [26] BMK 5954 ...dengan aku. Adapun anakku \*\*\*berhampir\*\*\* dengan Raja Syahsyian itu...

(b) Awalan *beR-* dengan makna “mempunyai sifat X”

- [27] BMK 723 ...niscaya tiadalah aku \*\*\*bermulia\*\*\* agama Islam! Karena khutbah...
- [28] BMK 5133 .....Melayu derhaka. Jika tuanku \*\*\*bergagah\*\*\* juga dekat cucunda, sahaja...
- [29] BMK 100 ...Siapa \*\*\*bersetia\*\*\* dengan engkau kerana engkau orang derhaka?.
- [30] BMK 6369 ...turuti.”Janganlah tuan \*\*\*berbosan\*\*\* kalbu, tuan pun tiada bapa...
- [31] BMK 4173 ...kira-kira dapat lima ekor \*\*\*berbujur\*\*\* di kenderaannya orang...

(c) Awalan *beR-* dengan makna “dengan cara yang X”

- |      |     |      |   |
|------|-----|------|---|
| [32] | BMK | 4887 | ...berhambat, membedil menikam<br>***bercepat***, segala panglima<br>terlalu...   |
| [33] | BMK | 6507 | ...amat, perangnya itu tidak<br>***bercermat***, tetak dan tikam<br>bercincang... |
| [34] | BMK | 534  | ...penghulu pegawai itu pun<br>***bergopoh***-gapah mengikut dari<br>belakang...  |
| [35] | BMK | 264  | ...aku perempuan, makan dengan<br>***bersedap*** dan minum dengan yang...         |
| [36] | BMK | 4213 | ...kepada kesudahan jalan.<br>***Bersegeralah***kamu akan berjalan”...            |

Berdasarkan contoh yang disenaraikan di atas, dari segi taburannya, awalan *beR-* boleh bergabung dengan KAdj perasaan (cth. *berdukacita* “berada dalam keadaan dukacita”, *bersuka* “berada dalam keadaan suka”), KAdj jarak (cth. *berdekat* “berada dalam keadaan dekat”, *berhampir* “berada dalam keadaan hampir”), KAdj sifat (cth. *bermulia* “mempunyai sifat mulia”, *bergagah* “mempunyai sifat gagah”), dan KAdj bentuk (cth. *berbujur* “mempunyai sifat bujur”) untuk membentuk KK. KAdj perasaan ialah perkataan yang mendukung makna konsep perasaan manakala KAdj jarak merujuk perkataan yang memberikan pengertian konsep ruang antara dua benda atau perasaan (Nik Safiah *et al.*, 2004). KAdj sifat pula memberikan pencirian kepada kualiti tertentu yang ada pada tabiat atau perangai manusia, manakala KAdj bentuk lazimnya memberikan keterangan tentang sesuatu bentuk sama ada ciri benda bernyawa atau tidak bernyawa (Asmah, 1993).

Bagi penerbitan KAdv pula, dari segi taburannya, awalan *beR-* boleh berganding dengan tiga jenis KAdj, iaitu KAdj cara (cth. *bercepat* “dengan cara yang cepat”, *bercermat* “dengan cara yang cermat”), KAdj pancaindera (cth. *bersedap* “dengan cara yang sedap”) dan KAdj waktu (cth. *bersegera* “dengan cara yang segera”). Kata adverba ialah kata yang berfungsi pada posisi adjung ayat. Kata adverba ini boleh berfungsi memberikan keterangan kepada KK (Liaw, 1985). KAdj cara ialah kata yang menunjukkan keadaan kelakuan atau ragam, manakala KAdj pancaindera memberikan pengertian konsep rasa, pandang, bau, dengar

dan sentuh, dan KAdj waktu pula memberikan makna konsep masa (Nik Safiah *et al.*, 2004).

Dalam nahu BMM, awalan *beR-* juga berfungsi sebagai pengubah golongan untuk menerbitkan KKTT daripada kata dasar KAdj (Asmah, 1993; Hashim, 1993; Liaw & Abdullah, 1994), Nik Safiah *et al.* (2004)). Namun, penerbitan KAdv daripada KAdj tidak pernah dilaporkan berlaku dalam mana-mana kajian morfologi sebelum ini. Dari segi taburan pula, awalan *beR-* dalam BMM hanya boleh bergabung dengan KAdj sikap dan perasaan sahaja seperti dalam kata *bergemuruh*, *bermuram* dan *berjimat* (Asmah, 1993; Hashim, 1993; dan Nik Safiah *et al.*, 2004). Dalam konteks perkembangan sejarah bahasa Melayu, dapat dirumuskan bahawa fungsi *beR-* telah mengalami proses pengekalan tetapi perilaku taburannya telah mengalami proses inovasi. Inovasi pertama melibatkan penghilangan, iaitu penerbitan KAdv tidak lagi wujud dalam BMM, dan inovasi kedua melibatkan penyempitan, yakni subgolongan KAdj yang boleh bergabung dengannya semakin terbatas. Rumusan ini menunjukkan bahawa dakwaan Asmah (1995) yang menyatakan bahawa perubahan masa telah melenyapkan konstruksi *beR-* dengan KAdj, dalam konteks kini, tidak seratus peratus tepat kerana ada konstruksi yang hilang atau lenyap dan ada sebahagiannya masih kekal dan diteruskan.

Dari sudut makna pula, imbuhan *beR-* dalam nahu BMM hanya mempunyai satu maksud sahaja, iaitu “berada dalam keadaan kata dasar” (Asmah, 1993; Hashim, 1993; Nik Safiah *et al.*, 2004). Sebaliknya, imbuhan *beR-* dalam nahu BMK mendukung tiga maksud yang berbeza, iaitu “berada dalam keadaan X”, “mempunyai sifat X” dan “dengan cara yang X”. Sama seperti aspek taburan, aspek makna imbuhan *beR-* juga telah mengalami proses inovasi penyempitan dalam menjalani sejarah perkembangan bahasa.

Berhubung dengan proses penyempitan ini, kajian ini mendapati konstruksi *beR-* dengan KAdj yang mendukung maksud “mempunyai sifat X” dan “dengan cara yang X” dalam nahu BMK lazimnya digunakan tanpa awalan *beR-* dalam nahu BMM. Bukti linguistik dalam menunjukkan kata terbitan seperti *bermulia*, *bersetia*, *bersedap*, *bergagah* dan *berbosan* tidak pernah wujud walaupun sekali dalam pangkalan data korpus moden. Sebaliknya, yang ditemui KAdj yang wujud tanpa sebarang imbuhan, seperti *mulia*, *setia*, *sedap*, *gagah* dan *bosan* seperti yang ditunjukkan dalam baris konkordans seperti yang berikut:

## JURNAL BAHASA

- |     |     |    |   |
|-----|-----|----|---|
| [4] | BMM | 82 | ...Aku mahu kau menjadi insan ***mulia***.<br>Tapi aku telah terlepas peluang...                                    |
| [5] | BMM | 30 | ...Katanya, dia akan ***setia*** dengan<br>isterinya dan tidak akan mengulangi<br>perbuatan terkutuk itu.           |
| [6] | BMM | 20 | ...Bilik tidur anak-anak perlu dikemas<br>agar tidak berselerak dan ***sedap***<br>mata memandang...                |
| [7] | BMM | 2  | ...perlawanan bola sepak Liga Perdana<br>malam kelmarin apabila pasukan<br>**gagah*** terus mengecap kemenangan.... |
| [8] | BMM | 11 | ...Apakah abang sudah ***bosan*** duduk<br>di rumah sekarang? Apa salah saya dan<br>anak-anak...                    |

### Pengimbuhan *beR-* dengan KT

Dalam proses pengimbuhan dengan KT, awalan *beR-* berfungsi sebagai pengubah golongan kerana kata terbitan yang dihasilkannya tergolong dalam KKTT. Pada masa yang sama, *beR-* turut berfungsi sebagai penetap golongan apabila penggabungannya dengan kata bilangan (KBil) menghasilkan kata terbitan yang juga tergolong dalam kelas kata yang sama, iaitu KBil. Dari segi taburan pula, awalan *beR-* boleh diimbuhkan dengan enam jenis KT, iaitu kata bantu, kata penguat, kata sendi nama, kata arah, kata hubung dan kata bilangan. Dalam kajian Shellabear (1899) dan Winstedt (1913), mereka hanya menemui bentuk terbitan *beR-* dengan KBil sahaja. Akhirnya, dari segi makna, awalan *beR-* boleh mendukung tiga maksud berbeza yang ditentukan oleh kata dasar yang bergabung dengannya. RPK pengimbuhan awalan *beR-* dengan KT adalah seperti yang berikut.

1. [*beR-* [X]<sub>KBil</sub>]<sub>KBil</sub> = (a) “bilangan dalam kumpulan X”
2. [*beR-* [X]<sub>KT</sub>]<sub>KK</sub> = (b) “mempunyai X”  
(c) “mendapat X”

Dari sudut kekerapan, antara keempat-empat makna tersebut, makna yang bermaksud “bilangan dalam kumpulan” muncul sebagai bentuk makna tertinggi dengan kekerapan sebanyak 40 kali manakala makna

2. (a) yang bermaksud “mempunyai X” muncul sebanyak lima kali. Contoh bentuk terbitan yang mendukung makna tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) Awalan *beR-* dengan makna “bilangan dalam kumpulan X”

- [37] BMK 459 ...Kemudian, budak-budak \*\*\*bersepuluh\*\*\* itu pun baliklah mendapatkan...
- [38] BMK 3064 ...buat kain itu jatuh hingga \*\*\*berbelas\*\*\* ela dia hitam hingga terus...
- [39] BMK 3903 ...ra' ayat Seri Rama, hingga \*\*\*berlaksa\*\*\* ra' ayat kera yang mati...
- [40] BMK 4770 ...dan Maharaja Setia itu, \*\*\*berkati\*\*\* emas harganya. Maka Laksamana...

(b) Awalan *beR-* dengan makna “mempunyai X”

- [41] BMK 4001 ...mendengar perkhabaran maka murkalah baginda tiada \*\*\*bersudah\*\*\* kepada...
- [42] BMK 4118 ...yang harus satu dinar itu, \*\*\*berhendak\*\*\* itu dengan dua dinar.
- [43] BMK 4305 ...sekali tiup jua. Adapun \*\*\*bersangat\*\*\* kita harap dalam alam ini...
- [44] BMK 4215 ...tiada \*\*\*berhingga\*\*\* dan tiada berkesudahan dan tiada dapat dibicara...

(c) Awalan *beR-* dengan makna “mendapat X”

- [45] BMK 657 ...gembira Raja Merong Mahawangsa \*\*\*beroleh\*\*\* putera keduanya...

Awalan *beR-* yang membawa makna “bilangan dalam kumpulan” dalam BMK hanya berhasil daripada penggabungannya dengan KBil ordinal. KBil ordinal ialah KBil yang menyatakan jumlah secara keseluruhan,

dan terbahagi kepada dua jenis, iaitu KBil nombor dan KBil pengolong (Asmah, 1993). Kata terbitan daripada KBil nombor ialah *bersepuluh* dan daripada KBil pengolong ialah *berbelas*, *berlaksa* dan *berkati*.

Awalan *beR-* dengan makna “mempunyai maksud yang terkandung dalam X” terbina apabila *beR-* bergabung dengan kata bantu, seperti *hendak*, *sudah*, kata penguat; *sangat* dan kata sendi nama; *hingga*. Hendak merupakan kata bantu ragam yang menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan, manakala *sudah* yang tergolong sebagai kata bantu aspek yang menimbulkan suasana perbezaan masa, iaitu masa lampau (Nik Safiah *et al.*, 2004). Kata penguat *sangat* pula ialah kata yang menunjukkan darjat kepalingan, dan *hingga* merujuk kata sendi nama yang berfungsi dalam adverba perhinggaan tempat atau waktu (Asmah, 1993).

Seperti dalam BMK, awalan *beR-* juga boleh bergabung dengan KT untuk menghasilkan KK terbitan, seperti dalam kata *berserta* dan *beroleh* (Nik Safiah *et al.*, 2004), dan juga KBil, seperti *berdua*, *bertiga*, *berempat* dan *berlima* (Liaw dan Abdullah, 1994, Nik Safiah *et al.*, 2004). Hal ini menunjukkan fungsi *beR-* sebagai penetap dan pengubah golongan telah mengalami pengekalan dalam perkembangan sejarahnya. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Asmah (1991 dan 1995) dalam kajian perbandingannya.

Dari aspek taburan, awalan *beR-* hanya boleh bergabung dengan subgolongan KT yang terdiri daripada kata hubung (cth. *berserta*), kata sendi nama (cth. *beroleh*) dan KBil ordinal nombor dan pengolong (cth. *berdua*, *bertiga*, *berjuta*, *beratus* dan *beribu*) (Asmah (1993) dan Nik Safiah *et al.* (2004)). Perkembangan ini menggambarkan taburan *beR-* telah mengalami inovasi penyempitan kerana dalam BMK awalan *beR-* boleh berganding dengan subgolongan KT, seperti kata bantu dan kata penguat selain kata sendi nama dan KBil. Penemuan ini dapat menambah baik hasil dapatan Asmah (1991 dan 1995) yang hanya menemui konstruksi *beR-* dengan KBil sahaja.

Dari aspek makna, awalan *beR-* dalam nahu BMM mendukung tiga maksud, iaitu “mendapat”, “bersama-sama” dan “bilangan dalam kumpulan” (Asmah, 1993), (Liaw & Abdullah, 1994), (Nik Safiah *et al.*, 2004). Walaupun awalan *beR-* dalam BMK juga mendukung tiga makna, tetapi makna yang dibawanya itu ternyata berbeza. Dalam konteks ini, makna “mendapat” dan “bilangan dalam kumpulan” mengalami proses pengekalan, manakala makna “mempunyai” mengalami proses inovasi penghilangan dan muncul makna baharu, iaitu “bersama-sama”. Proses

pengekalan bagi makna “bilangan dalam kumpulan” bertepatan dengan dakwaan Asmah (1991 dan 1995) sebelum ini.

Dari segi produktiviti atau kekerapan penggunaan, didapati awalan *beR-* yang membawa pengertian “bilangan dalam kumpulan” dan “mendapat X” telah menunjukkan peningkatan yang tinggi, iaitu masing-masing daripada 40 dan 11 kali dalam BMK kepada 52 dan 767 kali dalam BMM.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian tentang perilaku awalan *beR-* daripada BMK kepada BMM dari segi fungsi, taburan dan makna memperlihatkan beberapa perkembangan yang dapat dirumuskan sebagai proses pengekalan dan inovasi.

Fungsi *beR-* sebagai pengubah golongan bagi menghasilkan KKTT mengalami proses pengekalan, manakala fungsinya sebagai pengubah golongan bagi menghasilkan KAdv telah mengalami proses inovasi penghilangan. Proses pengekalan juga berlaku dari segi taburan kerana sifat luwes awalan *beR-* BMK yang boleh diimbuhkan dengan semua golongan kelas kata, iaitu KN, KK, KAdj dan KT dikekalkan dalam BMM.

Dari segi makna, maksud utama yang didukung oleh awalan *beR-* dalam BMK ialah “mempunyai X”, dan makna ini muncul dalam kebanyakan KK terbitan yang dihasilkan sama ada kata dasarnya terdiri daripada KN, KAdj mahupun KT. Sifat luwes ini mengalami inovasi pengecilan dalam BMM kerana awalan *beR-* yang membawa maksud “mempunyai X” hanya muncul dalam proses pengimbuhannya dengan KN sahaja.

Sebaliknya, dalam konteks pengimbuhan dengan KK pula, makna awalan *beR-* telah mengalami proses inovasi peluasan, iaitu daripada tiga maksud yang berbeza dalam BMK telah bertambah menjadi empat dalam BMM. Pada masa yang sama satu perkembangan baharu berlaku pada KKT berawalan *beR-* yang mendukung maksud “melakukan perbuatan X”. Perilaku morfologi ini mengalami proses inovasi pengambilalihan apabila peranan awalan *beR-* BMK itu telah diambil alih oleh awalan *meN-* dalam BMM.

## NOTA

- <sup>1</sup> Buku ini gabungan dua buah buku tatabahasa yang asalnya diterbitkan secara berasingan, iaitu Tatabahasa Dewan Jilid 1: Ayat (Nik Safiah et al., 1986) dan Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (Nik Safiah et. al, 1989).
- <sup>2</sup> Kajian diakronik juga dilakukan oleh Syed Zainal (2005) dan Awang (2009) yang melihat perkembangan linguistik BMK dan BMM dari sudut sintaksis. Oleh sebab kajian ini tidak membincangkan aspek sintaksis maka kedua-duanya tidak diulas dalam bahagian ini.
- <sup>3</sup> Korpus UKM-DBP digunakan dalam pengkajian dan penghuraian “Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer (Zaharani 2008). Untuk keterangan lanjut, sila lihat kajian tersebut.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1986. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise,
- Aronoff, Mark, 1976. *Word Formation in Generative Grammar*. Cambridge. MA: MIT Press.
- Asmah Haji Omar, 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al- Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Bahasa Kesusastraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf Abdul Wahab, 1989. *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*. Selangor: Percetakan Jiwa Baru Sdn. Bhd.
- Crawfurd J., 1852. *A Grammar and Dictionary of the Malay Language*. London: Smith, Elder.
- Hashim Musa, 1993. *Binaan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Liaw Yock Fang, 1985. *Nahu Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Nasional.

ZAHARANI AHMAD, SHAKIRA KHAIRUDIN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN

- Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mark Aronoff dan Frank Anshen, 1998. *Morphology and the Lexicon: Lexicalization and Productivity*. Blackwell Publishers.
- Marsden, William, 1812. *Grammar of The Malayan Language*. London: University of Michigan.
- Maxwell William Edward, 1881. *A Manual of The Malay Language*. London: K. Paul Trench, Trubner & co. Ltd.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, 1993. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trask R. L., 1994. *Language Change*. London Routledge.
- Shellabear W.G., 1899. *A Practical Malay Grammar*. Singapore: Methodist Publishing House.
- Syed Zainal Ariff Syed Jamaluddin, 2005. *The Evolution of Malay Affixes*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Verhaar, John, 1993. *Linguistics as a Stepchild: a Diary Entry*. United States: OLAC Aggregators.
- Winstedt R. O., 1913. *Malay Grammar*. Oxford: Clarendon Press.
- Zaharani Ahmad, 2005. *The Phonology-Morphology Interface in Malay: An Optimality Theoretic Account*. Canberra: Pacific Linguistics.
- Zaharani Ahmad, 2007. *Pembentukan Kata Ganda Separa Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad, 1947. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.